

Persepsi agama, Raja Melayu terancam tak tepat

- Dari Ms.10

Begitu juga dengan Perkara 11 di mana cukai pendapatan dan cukai lain dikenakan kepada semua di Malaysia, tetapi zakat dan fitrah dikutip dari orang Islam sahaja.

Melalui Perkara 11 juga, ada beberapa negeri yang menggubal undang-undang untuk menyekat pengembangan agama lain kepada orang Islam seperti Kelantan pada 1987 serta Kedah, Melaka dan Selangor pada 1988.

Ini jelas menunjukkan bahawa penganut agama, selain Islam tidak diberi perlindungan seperti perlindungan terhadap penganut Islam. Perkara 12 pula terlihat melalui beberapa program seperti penubuhan JAKIM, Institut Kefahaman Islam Malaysia, Jabatan Wakaf dan Haji serta pelbagai lagi.

Berikutan kuasa perlembagaan ini, Seksyen 36 dan 37 Akta Pelajaran 1961 digubal dan mewa-

jiikan sekolah yang menerima bantuan kerajaan supaya memperuntukkan pengajaran agama Islam menerusi kos dibiayai kerajaan dengan syarat jumlah pelajar di sekolah itu tidak kurang 15 orang.

Oleh kerana dikuasakan dengan nyata oleh Perlembagaan, kedua-dua seksyen Akta Pelajaran 1961 itu dan pelaksanaannya tidak harus dianggap bertentangan dengan Perlembagaan atau dalam apa cara mengamalkan diskriminasi terhadap lain-lain agama semata-mata kerana kerajaan tidak wajib memberi bantuan serupa untuk mengajar agama lain.

Perkara 12 juga menjelaskan bahawa Kerajaan Persekutuan dan negeri, melalui Akta dan Enakmen Perbekalan tahunan, diberi kuasa membelanjakan wang untuk pentadbiran agama Islam dan undang-undangnya.

Ini menunjukkan Islam sudah diletakkan daripada agama lain

meskipun Perlembagaan turut menjamin hak kebebasan beragama dan mengizinkan penggunaan wang awam untuk tujuan agama.

Perlu dikanunkan dalam Perlembagaan

Ini penting kerana dalam konteks Perlembagaan dan negara, semua perkara perlu dikanunkan dalam Perlembagaan. Jika tidak, mungkin ada yang mencabar segala perbelanjaan bagi program dan institusi Islam ke mahkamah.

Dengan sebab itu, penggunaan wang awam untuk perbelanjaan mengurus bagi institusi Islam seperti jabatan agama Islam dan Majlis Agama Islam negeri, Mahkamah Syariah serta jawatan mufti selari dengan perkara ini.

Begitu juga dengan implikasi pindaan kepada Perkara 121 (1A) Perlembagaan Persekutuan. Melalui pindaan ini, percanggahan di antara Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Syariah boleh dielak-

kan kerana mana-mana perkara yang boleh dibawa ke Mahkamah Syariah, Mahkamah Tinggi tidak lagi mempunyai bidang kuasa di dalam perkara terbabit.

Pindaan ini sedikit sebanyak meningkatkan taraf Mahkamah Syariah yang sudah bebas daripada campur tangan Mahkamah Sivil. Mahkamah Syariah juga dinaik taraf dengan membebaskannya daripada kawalan Majlis Agama Islam setiap negeri.

Mahkamah Syariah juga dibahagikan kepada tiga peringkat, iaitu Mahkamah Rendah Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rayuan Syariah. Berkaitan bidang kuasa mahkamah ini, ia disebut dalam perenggan 1, Jadual Kesembilan Senarai 2, Perlembagaan Persekutuan.

Peruntukan Perkara 150 (6A) pula melindungi hal berhubung dengan Islam, walaupun dalam keadaan darurat. Ini penting kerana secara umumnya perisytih-

ran darurat mempunyai kesan menggantung sebahagian besar peruntukan perlembagaan.

Dengan kata lain, ia menyebut pengecualian terhadap hal ehwal agama Islam kepada kuasa darurat yang luas itu. Ini menarik kerana Perkara 3(4) kelihatan hendak memenjarakan Islam dalam lingkungan tertentu, manakala Perkara 150 (6A) seperti hendak melindungi kedudukan Islam.

Ternyata persepsi yang terbentuk dalam pemikiran rakyat Malaysia bahawa Islam akan tergedai serta kedudukan Raja Melayu terancam adalah kurang tepat dan bersifat auta, bukan fakta.

Mustahil untuk memansuhkan peruntukan Islam dalam Perlembagaan, tetapi Islam boleh terganggu dari aspek pelaksanaan atau pengoperasiannya seperti berlaku ke atas Bahasa Kebangsaan dalam sektor swasta dan mahkamah, hatta dalam sistem pendidikan negara.